

ASMALIN SYRUP

Terbutaline sulphate (1.5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Asmalin Syrup
2. Bagaimana Asmalin Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Asmalin Syrup
4. Cara menggunakan Asmalin Syrup
5. Semasa menggunakan Asmalin Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Asmalin Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Asmalin Syrup

Asmalin Syrup digunakan sebagai bronkodilator (membantu membuka saluran udara di dalam paru-paru) untuk asma bronkial dan untuk bronkospasma (penyempitan saluran udara yang masuk ke dalam paru-paru) yang mungkin berlaku dengan bronkitis (radang dalam saluran udara utama) atau emphysema (kerusakan pundi udara (alveoli) dalam paru-paru).

Bagaimana Asmalin Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Terbutaline Sulphate. Terbutaline adalah bronkodilator (agonis reseptor beta-2) yang berfungsi mengendur dan membuka saluran pernafasan untuk bernafas dengan lebih mudah.

Sebelum menggunakan Asmalin Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Asmalin Syrup jika anda hipersensitif kepada terbutaline atau mana-mana bahan kandungan lain seperti yang dinyatakan pada akhir risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan Asmalin Syrup

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mempunyai:

- Penyakit jantung
- Diabetes mellitus
- Hipertiroidisme (kelenjar tiroid terlalu aktif)
- Sejarah sawan
- Tekanan darah tinggi

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda sebelum mengambil Asmalin Syrup jika anda hamil, merancang untuk menjadi hamil atau menyusukan bayi. Anda harus gunakan dengan berhati-hati

semasa trimester pertama kehamilan. Terbutaline boleh meresap ke dalam susu ibu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat yang boleh berinteraksi dengan Asmalin Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil seperti yang berikut: -

- *Beta-blocker* (untuk merawat tekanan darah tinggi)
- Ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat keadaan yang sama

Cara menggunakan Asmalin Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Asmalin Syrup dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Dos oral

Dewasa : 5mg tiga kali sehari (tidak boleh melebihi jumlah dos sebanyak 15mg dalam masa 24 jam)

Kanak-kanak (12-15 tahun) : 2.5mg tiga kali sehari (tidak melebihi jumlah dos sebanyak 7.5mg dalam masa 24 jam)

- Bila perlu digunakan

Gunakan Asmalin Syrup apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

-Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Asmalin Syrup seperti ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh meningkatkan simptom-simptom seperti gemuruh, menggeletar, sakit kepala, peningkatan kadar denyutan jantung, palpitasi (denyutan jantung tidak sekata), mengantuk, loya, muntah, berpeluh dan kekejangan otot.

Semasa menggunakan Asmalin Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Asmalin Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Asmalin Syrup kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila melakukan aktiviti yang memerlukan kecerdasan mental seperti memandu kereta atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Asmalin Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan-kesan sampingan yang biasa dilaporkan adalah seperti gemuruh, menggeletar, sakit kepala, peningkatan kadar denyutan jantung, palpitasi (denyutan jantung tidak sekata), mengantuk, loya, muntah, berpeluh dan kekejangan otot.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*).

Nombor Siri
BPFK(R4/1)290116/00021

Cara penyimpanan dan pelupusan
Asmalin Syrup

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap yang jernih, tidak berwarna dengan perisa ceri

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi
Terbutaline sulphate 1.5mg

- Bahan- bahan tidak aktif

- Syrup Simplex
- Red Cherry H2100
- Citric Acid
- Sodiun Benzoate

- Nombor MAL

MAL19900380A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

01/02/2016